

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN PONDOK BAS MPSP

Permohonan penyewaan Pondok Bas MPSP (tidak termasuk kiosk) untuk tujuan pengiklanan serta kerja-kerja penyelenggaraan dan pengurusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang dinyatakan di bawah;

1. Tempoh sewaan adalah untuk satu (1) tahun dengan opsyen untuk melanjutkan tempoh sewaan selama satu (1) tahun lagi.
2. Kadar sewaan tahunan dan bayaran deposit yang ditetapkan adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Bil	Saiz Pondok bas	Kadar Sewaan Setahun	Deposit (RM)
1.	Kecil (kurang atau bersamaan 7meter panjang)	RM250.00	Bersamaan tiga bulan sewa
2.	Besar (melebihi 7meter panjang)	RM500.00	

3. Pemohon hendaklah menjelaskan bayaran sewa serta deposit pada tarikh perjanjian penyewaan ditandatangani.
4. Hakmilik pondok bas berkenaan mestilah dikekalkan atas milik MPSP.
5. Pemohon adalah dibenarkan menggunakan pondok bas tersebut untuk tujuan pengiklanan.
6. Pemohon tidak boleh menyerah milik, menyerah hak, menyewa kecil atau memberi hak pengurusan pondok bas tersebut kepada mana-mana pihak, melainkan dengan kebenaran bertulis daripada MPSP.

7. Pemohon tidak boleh membuat sebarang tambahan atau pindaan atau meruntuhkan mana-mana bahagian pondok bas tersebut tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada MPSP.
8. Pemohon hendaklah membayar semua caj bagi bekalan elektrik dan lain-lain perkhidmatan yang digunakan di pondok bas berkenaan sepanjang tempoh sewaan.
9. Pemohon hendaklah mengambil polisi Insuran Tanggungan Awam semasa berkuatkuasanya perjanjian penyewaan ini dan hendaklah dikemukakan untuk diperiksa dan disahkan oleh MPSP.
10. Pemohon hendaklah membayar semua kos guaman dan sebagainya yang dikenakan kepada MPSP oleh peguam-peguam yang dilantik oleh MPSP untuk menuntut sebarang tunggakan bayaran penyelenggaraan dan pengurusan dan sebagainya daripada pemohon.
11. Pemohon hendaklah mematuhi dan melaksanakan segala syarat-syarat penyelenggaraan dan pengurusan pondok bas yang ditetapkan oleh MPSP.
12. Pemohon hendaklah menanggung sepenuhnya kos pembaikan dan penyelenggaraan pondok bas tersebut semasa berkuatkuasanya perjanjian ini.
13. Pemohon hendaklah membenarkan MPSP atau agennya dengan atau tanpa pekerja pada bila-bila masa untuk memeriksa pondok bas tersebut bagi menentukan ianya sentiasa berada di dalam keadaan baik dan sempurna.

14. Pemohon hendaklah mematuhi segala peraturan pelesenan iklan MPSP yang telah ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil (Iklan) MPSP Perbandaran Seberang Perai 2001 atau undang-undang kecil lain yang berkaitan dan diterima pakai oleh MPSP dalam tempoh sewaan.
15. Pemohon tidak boleh mempamerkan apa-apa papan iklan, papan nama, papan tanda atau papan dendeng mengenai apa-apa tred atau perniagaan kecuali di bawah dan menurut lesen yang dikeluarkan oleh MPSP.
16. Pemohon hendaklah atas perbelanjaan sendiri mengambil lesen untuk mempamerkan iklan dan lesen tersebut hendaklah sah semasa berkuatkuasanya perjanjian penyewaan tersebut.
17. Jika terdapat mana-mana iklan yang dipamerkan menggunakan bahasa yang tidak betul dan berkemungkinan menyebabkan kekeliruan atau kegusaran kepada orang awam, MPSP boleh memerintahkan pemohon dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, membetulkan kesalahan itu.
18. Pemohon hendaklah menjaga dan menyelenggara bahagian dalam dan luar pondok bas tersebut, termasuk perkakas dan peralatan elektrik, supaya sentiasa berada dalam keadaan baik, bersih, selesa dan boleh digunakan dengan selamat oleh orang awam yang menggunakan kemudahan pondok bas.
19. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa kemalangan atau mala petaka yang menimpa pengguna (orang awam)

yang menggunakan kemudahan pondok bas tersebut berpunca daripada kecuaiannya pemohon serta ketidakstabilan pondok bas tersebut.

20. Pemohon hendaklah mengemukakan suatu taksiran bertulis oleh jurutera awam atau jurutera struktur berdaftar mengenai kekukuhan struktur pondok bas tersebut kepada MPSP setiap enam (6) bulan dalam tempoh sewaan.
21. Pemohon hendaklah menjaga dan memelihara kebersihan kawasan sekitar dan mematuhi peruntukan-peruntukan mengenai kesihatan, keselamatan dan kebajikan orang-orang yang diambil bekerja di pondok bas tersebut.
22. Pemohon tidak boleh meletak apa-apa juga benda atau menutup dan menghalang mana-mana tempat atau di laluan kegunaan bersama yang berhampiran yang boleh menghalang atau menyebabkan kesesakan aliran lalu lintas.
23. Pemohon tidak boleh menggunakan pondok bas tersebut untuk sebarang tujuan yang tidak sah, tidak bermoral atau tidak bemarkah.
24. Pemohon tidak boleh melakukan, membenarkan atau membiarkan dilakukan atas pondok bas tersebut apa-apa perbuatan atau perkara yang menyebabkan kacau ganggu di kawasan berkenaan.
25. Pemohon tidak dibenarkan menyimpan sebarang bahan-bahan yang merbahaya yang mudah terbakar dan meletup serta senjata api, bahan letupan, dadah atau bahan-bahan lain yang tidak sah, merbahaya,

mendatangkan kemudahan dan bertentangan dengan undang-undang Malaysia di dalam dan luar kawasan pondok bas tersebut.

26. Pemohon digalakkan memasang lampu khususnya dengan sistem tenaga solar kepada pondok bas tersebut.
27. Pemohon hendaklah menandatangani perjanjian penyewaan pondok bas dengan MPSP. Bayaran cukai setem dan apa-apa bayaran yang terlibat dalam penyediaan perjanjian ini hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
28. MPSP boleh menamatkan perjanjian penyewaan, tanpa apa-apa tuntutan pampasan sekiranya;
 - a. pemohon diisytiharkan muflis;
 - b. pondok bas tersebut perlu diubah atau dipindah atau dibuang atas sebab-sebab tertentu;
 - c. pondok bas tersebut didapati musnah atau rosak atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan di luar kawalan; atau
 - d. pemohon melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPSP.
29. Mana-mana pihak boleh menamatkan perjanjian pada bila-bila masa sepanjang tempoh sewaan tersebut dengan memberi tiga (3) bulan notis bertulis kepada pihak yang satu lagi.
30. Pemohon hendaklah menyerahkan kembali pondok bas tersebut kepada MPSP dalam keadaan asalnya apabila tempoh sewaan tamat atau pun bila berlaku penamatan awal tanpa menuntut apa-apa pampasan.